

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NASIONAL

KKM komited bendung pandemik, teruskan program vaksinasi

Putrajaya: Kementerian Kesihatan (KKM) akan terus menjalankan tugas membendung pandemik COVID-19, termasuk Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) dan Pelan Pemulihan Negara (PPN) seperti yang sudah dirancang.

Ketua Setiausahanya, Datuk Mohd Shafiq Abdullah, berkata KKM juga akan terus memastikan mobilisasi sumber, logistik

dan perubatan selepas pembubaran kerajaan peletakan jawatan Tan Sri Muhyiddin Yassin sebagai Perdana Menteri dan jawatan seluruh jemaah menteri berkuat kuasa serta-merta.

Beliau berkata, nyawa dan perkhidmatan untuk rakyat adalah lebih utama sepanjang pentadbiran kerajaan sementara ini.

"KKM akan teruskan usaha dari aspek PPN, termasuk mena-

ngani penularan COVID-19 dan pemberian vaksin.

"Kerja seperti biasa bawah kepimpinan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali dan agensi Jain juga akan bersatu dalam usaha ini kerana kita melihat kepentingan rakyat akan diteruskan termasuk perkhidmatan kesihatan," katanya kepada *BH*.

Ditanya isu peruntukan dan ke-

wangan, Mohd Shafiq berkata, ia diluluskan sebelum ini oleh bekas Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan bekas Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz.

Beliau berkata, masih ada lagi peruntukan dan ia digunakan sehingga penubuhan kerajaan baharu.

Muhyiddin mengumumkan peletakan jawatan sebagai Perdana

Menteri Malaysia kelapan pada satu sidang media di pejabatnya di Putrajaya, semalam, yang disiarkan secara langsung di pelbagai platform telekomunikasi.

Muhyiddin dilaporkan berkata, keputusan itu dibuat selepas hilang majoriti sokongan Ahli Parlimen dan cadangan kerjanya bipartisan yang dicadangkannya juga tidak mendapat sokongan parti politik.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NASIONAL

45 peratus orang dewasa lengkap dos

Kuala Lumpur: Kira-kira 45.9 peratus iaitu 10,734,415 populasi dewasa negara sudah melengkapkan vaksinasi COVID-19 sehingga kelmarin.

Angka keseluruhan vaksinasi dos pertama turut mencatat peningkatan memberangsangkan iaitu 72.9 peratus atau 17,076,440 individu dewasa di seluruh negara.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba, berkata sebanyak 415,875 dos vaksin diberikan di seluruh negara kelmarin, menerusi Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK).

"Jumlah pemberian vaksin COVID-19 sehingga 15 Ogos ialah 27,810,855 dos.

"Semalam (kelmarin), 415,875 dos diberi menjadikan jumlah menerima dos pertama setakat ini adalah 17,076,440 orang. Daripada jumlah itu, 10,734,415 menerima dos kedua," katanya menerusi Twitter, semalam.

Tambahnya, pecahan bagi vaksinasi harian kelmarin mencatatkan 146,671 bagi dos pertama, manakala pemberian dos kedua adalah lebih tinggi iaitu 272,204.

Penularan COVID-19

Kes baharu menurun kepada 19,740 jangkitan

274 kematian dilaporkan, semua negeri catat pertambahan

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Kes penularan COVID-19 di negara ini menunjukkan penurunan kepada 19,740 semalam dengan 274 kematian dilaporkan termasuk 77 kes meninggal dunia di rumah (BID).

Kes BID membabitkan 28 warganegara dan 49 bukan warga negara.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata semua negeri

mencatatkan pertambahan dan kes tertinggi dilaporkan di Selangor dengan 5,706 kes, diikuti Sabah (1,728), Kedah (1,592), Sarawak (1,566) dan Johor (1,510).

Selain itu, turut mencatatkan kes baharu ialah Kuala Lumpur (1,360), Pulau Pinang (1,251), Kelantan (1,227) dan Melaka (1,120).

"Perak pula melaporkan 938 kes baharu, Terengganu (688), Pahang (646), Negeri Sembilan (343), Putrajaya (43), Perlis (20) dan Labuan (dua).

"Pertambahan kes semalam menjadikan jumlah kumulatif kes COVID-19 di negara ini meningkat kepada 1,424,639 kes.

"Sehingga kini 249,277 kes aktif



Dr Noor Hisham Abdullah

dengan kebolehjangkitan COVID-19 di negara ini, iaitu 1,047 kes sedang dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dengan 520 kes masih memerlukan alat bantuan pernafasan," katanya dalam kenyataan semalam.

Mengenai kes semalam, 19,442 kes atau 98.5 peratus berada dalam kategori satu dan dua iaitu tidak mempunyai geja-

la dan bergejala ringan manakala 298 kes bersamaan 1.5 peratus berada dalam kategori tiga hingga lima iaitu mempunyai radang paru-paru, memerlukan bantuan oksigen dan kritikal.

"Secara keseluruhannya, 16,805 kes (85.1 peratus) daripada jumlah dilaporkan semalam ti-

dak mempunyai vaksin atau belum lengkap mendapatkan vaksinasi. Kita berharap masyarakat mengambil vaksin bagi mengurangkan risiko jangkitan serius.

"Diharapkan ia akan mengurangkan jangkitan COVID-19 di dalam negara, terutama kes kategori tiga hingga lima," katanya.

Sementara itu, mengenai 274 kes kematian yang dilaporkan semalam, 100 kes dicatatkan di Selangor, Kuala Lumpur (39), Johor (31), Ledah (21), Pulau Pinang (19), Melaka (16), Sabah (15), Perak (10), Kelantan (sembilan), masing-masing lima di Sarawak dan Negeri Sembilan serta tiga di Terengganu dan satu di Pahang.

Dalam pada itu, Dr Noor Hisham berkata, sehingga jam 12 tengah hari semalam terdapat 17,450 kes sembuh dilaporkan menjadikan jumlah kumulatif kes di negara ini 1,162,578 kes.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NASIONAL

Oleh Raja Noraina
Raja Rahim
rnoraina@
hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Malaysia merekodkan 19,740 kes positif baharu Covid-19, semalam dengan 16,805 atau 85.1 peratus daripadanya dalam kalangan mereka yang tiada atau belum lengkap vaksinasi.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, pertambahan kes itu menjadikan jumlah keseluruhan kes mencecah 1,424,639 kes dan 249,277 kes aktif.

Beliau berkata, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengesan 19,721 kes membabitkan penularan tempatan iaitu 15,902 warganegara dan 3,819 bukan warganegara manakala 19 kes import yang dikesan membabitkan lapan rakyat tempatan dan 11 warga asing.

"Sebanyak 298 kes (1.5 peratus) adalah daripada kategori tiga hingga lima manakala sebanyak 19,442 kes (98.5 peratus) lagi adalah terdiri daripada kategori satu dan dua.

"Setakat ini seramai 1,047 pesakit dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dengan 520 daripadanya memerlukan bantuan pernafasan," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

19,740 kes, 274 maut

85.1 peratus adalah mereka tiada atau belum lengkap vaksinasi



WARGA Pasukan Gerakan Am (PGA), Haziman Sulaiman (kanan) menerima vaksin Covid-19 ketika Program Suntikan Vaksin Covid-19 bagi ahli keluarga Batalion 3 PGA di Mes Pegawai Kanan Batalion 3 PGA.

Mengenai kes kematian baharu, Dr Noor Hisham berkata, sebanyak 274 kes dilaporkan semalam memba-

bitkan 211 warganegara dan 63 bukan warganegara.

Menurutnya, daripada jumlah itu, terdapat 77 kes ke-

matian di luar hospital (BID) iaitu 28 warganegara dan 49 bukan warganegara.

"Kes kematian pada hari

ini (semalam) juga membabitkan 100 kes di Selangor, 39 kes di Kuala Lumpur, 31 kes di Johor, 21 kes di Kedah, 19

17,450

Kes sembuh daripada jangkitan Covid-19 dilaporkan semalam

kes di Pulau Pinang, 16 kes di Melaka, 15 kes di Sabah dan 10 kes di Perak.

"Sembilan kes di Kelantan, masing-masing lima kes di Sarawak dan Negeri Sembilan, tiga kes di Terengganu serta satu kes di Pahang," katanya.

Katanya, peningkatan kes kematian semalam menjadikan sebanyak 12,784 kes kumulatif direkodkan iaitu 0.89 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

Selain itu, beliau berkata, sebanyak 17,450 kes sembuh daripada jangkitan Covid-19 dilaporkan semalam menjadikan jumlah keseluruhan pesakit sembuh seramai 1,162,578 orang atau 81.6 peratus daripada keseluruhan kes.

Berhubung kluster Covid-19 pula, Dr Noor Hisham memaklumkan sebanyak 35 kluster baharu dikenal pasti, semalam menjadikan keseluruhan 4,218 kluster direkodkan di negara setakat ini.

Katanya, semua kluster berkenaan dikenal pasti di Selangor, Kuala Lumpur, Johor, Kedah, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Sabah dan Sarawak.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : COVID-19



SEKUMPULAN doktor memantau seorang pesakit Covid-19 di Wad Isolasi Jabatan Kecemasan dan Trauma di Hospital Kuala Lumpur (HKL), semalam.



PETUGAS pengurusan jenazah Covid-19 Hospital Queen Elizabeth memimbis tanah di Tanah Perkuburan Islam Keramat, Kota Kinabalu, kelmarin.

Pesakit buah pinggang cetus Kluster Telaga 2

Alor Setar: Seorang pesakit buah pinggang yang mendapatkan rawatan di Hospital Sultanah Bahiyah (HSB) di sini, dikesan menjadi punca tercetusnya Kluster Telaga 2 yang kini sudah menjangkiti 93 individu sehingga Ahad lalu.

Pengarah Kesihatan Negeri Kedah Dr Othman Warji berkata pesakit wanita berumur 63 tahun yang mendapatkan rawatan di Wad Nefrologi hospital itu didapati positif melalui saringan Covid-19 dilakukan sebelum menjalani satu prosedur pada 4 Ogos lepas.

"Hasil saringan mendapati 72 kes positif yang melibatkan 31 pesakit Wad Nefrologi, 23 petugas kesihatan, empat pekerja sokongan hospital dan 14 waris kepada pesakit. Saringan kontak rapat juga sudah mengesan 21 lagi kes positif di Daerah Kota Setar, Kubang Pasu, Padang Terap, Pendang, Sik dan Yan," katanya dalam satu kenyataan, kelmarin.

Beliau berkata, daripada jumlah berkenaan, 10 kes sudah meninggal dunia manakala baki kes yang lain masih berada di dalam wad.

Kota Kinabalu

Kegagalan seorang wanita berusia 32 tahun mematuhi arahan kuarantin mencetus Kluster Paka Kawiyan di Ranau yang baharu direkodkan kelmarin, memabitkan 41 kes positif Covid-19, kata Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah Datuk Masidi Manjun.

Beliau yang juga jurucakap Covid-19 Sabah berkata, wanita itu disahkan positif hasil saringan rentas negeri dan didapati berinteraksi dengan penduduk kampung di sebuah kawasan kebun getah ketika cuba mendapatkan akses talian internet.

"Hasil beberapa siri saringan kontak rapat pada 29 Julai hingga 14 Ogos, terdapat pertambahan bilangan kes dalam kalangan kontak rapat

DEGIL SAMPAI 41 ORANG TERJANGKIT

Wanita gagal mematuhi arahan kuarantin cetus Kluster Paka Kawiyan ketika cari akses internet

dan kontak sosial kes indeks. Daripada 132 orang disaring, kluster ini merekodkan 41 kes positif termasuk 13 kes baharu hari ini (semalam)," katanya.

Katanya, dua lagi kluster

yang direkodkan semalam ialah Kluster Tangkuyan di Kinabatangan iaitu kluster komuniti yang merekodkan 129 kes positif Covid-19 dan Kluster Segama Batu Satu di Lahad Datu sebuah kluster

tempat kerja babitkan 18 kes.

"Kluster Tangkuyan dicetus kerani wanita berusia 27 tahun di ladang sawit Beluran yang menghadiri upacara pengebumian ahli keluarga di Kampung Tangkuyan di Kua-

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : COVID-19



Hasil beberapa siri saringan kontak rapat pada 29 Julai hingga 14 Ogos, terdapat pertambahan bilangan kes dalam kalangan kontak rapat dan kontak sosial kes indeks. Daripada 132 orang disaring, kluster ini merekodkan 41 kes positif termasuk 13 kes baharu hari ini (semalam)”

Masidi

mut manakala Kluster Segama Batu Satu dicetus lelaki 40 tahun di syarikat perusahaan tayar,” katanya.

Katanya, jumlah kes positif baharu Covid-19 di Sabah ialah 1,665 kes menjadikan jumlah kumulatif 105,102 kes, manakala jumlah pesakit sembuh semalam 1,220 menjadikan jumlah kumulatif 88,196 orang dan 5,268 pesakit sedang menerima rawatan.

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 4
 RUANGAN : NEGARA

19,740 kes positif direkodkan semalam, 274 kematian dicatatkan

Jangkitan baharu menurun

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

PUTRAJAYA – Negara merekodkan kes harian di bawah angka 20,000 sekali gus menurun sedikit berbanding kelmarin dengan 19,740 kes termasuk 19 kes import semalam, menjadikan jumlah kes positif Covid-19 sebanyak 1,424,639 kes.

Pesakit sedang dirawat dan diasingkan semakin meningkat sebanyak 249,277 kes termasuk 1,047 kes sedang dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dan 520 kes memerlukan bantuan pernafasan, manakala sebanyak 17,450 kes sembuh dicatatkan.

Terdapat 274 kes kematian Covid-19 melibatkan 211 warga Malaysia dan 63 warga asing iaitu 153 lelaki dan 121 perempuan dengan 77 kes meninggal dunia di luar hospital atau *brought-in-dead* (BID), menjadikan sebanyak 12,784 kes kematian Covid-19.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, daripada jumlah kes harian semalam, sebanyak 298 kes (1.5 peratus) kategori tiga, empat dan lima, manakala 19,442 kes (98.5 peratus) kategori satu dan dua.



PETUGAS Pejabat Kesihatan Daerah Melaka Tengah dibantu Angkatan Pertahanan Awam Malaysia menguruskan jenazah pesakit Covid-19 di Tanah Perkuburan Islam Bukit Baru Melaka semalam. – RASUL AZLI SAMAD

"Ini berdasarkan keadaan klinikal kes semasa baharu didiagnosis Covid-19.

"Secara keseluruhan, 16,805

kes (85.1 peratus) daripada jumlah kes yang dilaporkan tiada atau tidak lengkap vaksinasi. Dapatkan vaksin Covid-19 bagi

mengurangkan risiko jangkitan yang serius.

"Diharapkan ini akan mengurangkan jangkitan Covid-19 di

COVID-19

Angka terkini kes Covid-19 di Malaysia sehingga semalam

	Jumlah
Kes baharu	19,740
Import	19
Tempatan	19,721
Pulih	17,450
Kematian	274
Masih dirawat	249,277
Jumlah kes sembuh	1,162,578
Jumlah Kematian	12,784
Jumlah kes keseluruhan	1,424,639

dalam negara, terutamanya kes di kategori tiga hingga lima," katanya di sini semalam.

Jelasnya, sebanyak 35 kluster baharu dikenal pasti terdiri daripada 21 kluster tempat kerja, 11 kluster komuniti, dua kluster kumpulan berisiko tinggi dan satu kluster pendidikan tinggi.

Ujarnya, nilai RT Malaysia kelmarin sebanyak 1.05, dengan negeri mencatatkan nilai RT tertinggi adalah Perlis (1.29), diikuti Kelantan (1.19) dan Sabah (1.16).

"Semua negeri mencatatkan RT melebihi 1.0 kecuali Labuan, Kuala Lumpur dan Putrajaya," ujarnya.

AKHBAR : SINAR HARIAN
 MUKA SURAT : 13
 RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

Kes positif berkurang lebih 800 kes

Sebanyak 274 kematian dilaporkan dengan 77 kes, kematian di rumah

KUALA LUMPUR

Sebanyak 19,740 kes baharu Covid-19 dilaporkan pada Isnin, berkurangan lebih 800 kes berbanding kes baharu yang dicatatkan pada Ahad iaitu 20,546 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah menerusi hantaran di akaun Twitter berkata, angka yang dicatatkan itu menjadikan jumlah kumulatif kes Covid-19 di Malaysia memecah 1.42 juta.

“Sembilan negeri mencatatkan kes Covid-19 empat angka dengan jumlah kes tertinggi dilaporkan di Selangor iaitu 5,706 kes diikuti Sabah dengan 1,728 kes; Kedah (1,592); Sarawak (1,566); dan Johor (1,510),” katanya.

Beliau berkata, empat lagi negeri yang mencatatkan kes baharu Covid-19 empat angka adalah Kuala Lumpur dengan 1,360 kes; Pulau Pinang (1,251); Kelantan (1,227); dan Melaka (1,120).



DR NOOR HISHAM

Dr Noor Hisham berkata, empat negeri mencatatkan kes baharu Covid-19 tiga angka iaitu Perak dengan 938 kes; Terengganu (688); Pahang (646); dan Negeri Sembilan (343) manakala Putrajaya dan Perlis mencatatkan kes dua angka dengan masing-masing 43 dan 20 kes.

“Labuan menjadi satu-satunya negeri yang mencatatkan kes satu angka dengan dua kes dilaporkan pada hari ini (Isnin),” katanya.

Dr Noor Hisham menerusi kenyataannya pada Isnin memaklumkan, daripada 19,740 kes, 298 kes (1.5 peratus) adalah daripada kategori tiga, empat dan lima manakala sebanyak 19,442 kes (98.5 peratus) terdiri

daripada kategori satu dan dua.

Beliau berkata, secara keseluruhan, 16,805 kes (85.1 peratus) daripada jumlah kes yang dilaporkan tiada atau tidak lengkap vaksinasi Covid-19.

Selain itu, beliau berkata, kes sembuh mencatatkan sebanyak 17,450 kes, manakala kes aktif 249,277 kes.

“Sejumlah 1,047 kes dirawat di unit rawatan rapi (ICU),” katanya.

Mengenai kes kematian baharu, Dr Noor Hisham berkata, sebanyak 274 kematian dilaporkan pada Isnin.


“Daripada jumlah kematian itu, 211 adalah warga tempatan, manakala 63 warga asing dengan 77 kes kematian direkodkan di rumah atau brought-in-dead (BID) melibatkan pecahan 28 warga tempatan dan 49 bukan warganegara,” kata beliau.

Mengenai 35 kluster baharu yang dikenal pasti, Dr Noor Hisham berkata, 21 daripadanya kluster tempat kerja, 11 kluster komuniti, dua kluster kumpulan berisiko tinggi dan satu kluster pendidikan tinggi. - Bernama

MEPENDANI KRISIS COVID-19: APA TINDAKAN KITA?

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

KES BAHARU MENGIKUT KATEGORI



- Kategori 1** Tanpa gejala
- Kategori 2** Gejala ringan
- Kategori 3** Jangkitan paru-paru
- Kategori 4** Jangkitan paru-paru memerlukan oksigen
- Kategori 5** Ada jangkitan paru-paru dan memerlukan alat bantuan pernafasan

Sumber: CPRC Kebangsaan & Kementerian Kesihatan Malaysia



Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia



*Dikemas kini pada jam 12 tengah hari 16 Ogos 2021

JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI

JUMLAH KESSELURUHAN:	1,424,639	PULIH:	1,162,578	ICU:	1,047	KEMATIAN:	12,784	KES BAHARU:	19,740	SUDAH DIVAKSIN:	27,810,855
----------------------	-----------	--------	-----------	------	-------	-----------	--------	-------------	--------	-----------------	------------

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 11

RUANGAN : DALAM NEGERI

85.1% kes positif Covid-19 tidak lengkap vaksin

Oleh PETAH WAZZAN

ISKANDAR

utusannews@mediamula.com.my

PUTRAJAYA: Kementerian Kesihatan mendedahkan, sebanyak 16,805 kes atau 85.1 peratus daripada jumlah 19,740 kes positif Covid-19 harian semalam belum lengkap divaksinasi.


Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, daripada jumlah kes harian itu juga, sebanyak 298 kes atau 1.5 peratus adalah daripada kategori tiga, empat dan lima.

"Sebanyak 19,442 kes atau 98.5 peratus lagi terdiri daripada kategori satu dan dua yang berdasarkan keadaan klinikal kes semasa baharu didiagnosis Covid-19.

"Ada antara kes kekal di kategori yang sama sepanjang tempoh jangkitan, namun ada juga yang berubah status kesihatan kes sama ada bertambah baik ke kategori lebih rendah atau merosot ke kategori lebih tinggi," kata beliau menerusi kenyataan semalam.

Menurut beliau, negara mencatatkan penurunan kes positif Covid-19 iaitu 19,740 kes berbanding semalam, 20,547 kes sekali gus mengatasi kes sembuh iaitu 17,450 kes dengan 274 kematian, 35 kluster baharu serta 1,047 kes di unit rawatan rapi (ICU) selain 520 kes memerlukan bantuan pernafasan dan 249,277 kes aktif.

Katanya, Selangor terus menjadi penyumbang terbesar



SUSULAN kadar vaksinasi yang semakin tinggi, kerajaan memberi kelonggaran membuka lebih banyak aktiviti ekonomi di seluruh negara termasuk kebenaran membuka kedai elektrik di negeri Fasa Pertama Pelan Pemulihan Ekonomi. - UTUSAN/FAIZ ALIF AHMAD ZUBIR

apabila merekodkan sebanyak 5,706 kes diikuti Sabah (1,728), Kedah (1,592), Sarawak (1,566), Johor (1,510), Kuala Lumpur (1,360), Melaka (1,120).

"Empat negeri mencatatkan kes tiga angka iaitu Perak (938), Terengganu (688), Pahang (646) dan Negeri Sembilan (343).

"Satu wilayah dan satu negeri merekodkan kes dua angka iaitu Putrajaya (43) dan Perlis (20) manakala hanya Labuan, mencatatkan dua kes," katanya.

Mengulas mengenai 274 kes kematian, beliau berkata, Selangor terus menjadi penyumbang terbanyak iaitu 100 kes, 39 kes di Kuala Lumpur, 31 kes di Johor, 21 kes di Kedah, 19 kes di Pulau Pinang, 16 kes di Melaka, 15 kes di Sabah, 10 kes di Perak, sembilan kes di Kelantan, masing-masing lima kes di Sarawak dan Negeri Sembilan, tiga kes di Terengganu, serta satu kes di Pahang.

"Kematian melibatkan 153 lelaki dan 121 perempuan den-

gan 63 warga asing manakala 77 pesakit meninggal dunia di rumah serta 201 pesakit mempunyai pelbagai latar belakang penyakit," katanya.

Mengenai 35 kluster baharu, Noor Hisham berkata, sebanyak 21 kluster berkaitan tempat kerja dengan tujuh di Selangor, 10 kluster komuniti termasuk sembilan di Kelantan serta dua kluster kumpulan berisiko tinggi dan satu kluster pendidikan tinggi direkodkan semalam.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NATION/NEWS

COVID-19 UPDATE

19,740 NEW INFECTIONS RECORDED

Selangor continues to lead with 5,706 cases, as daily Covid deaths hit 274

HANA NAZ HARUN
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

ACTIVE Covid-19 cases in the country surged ever closer to the 250,000 mark as the Health Ministry registered 19,740 new infections yesterday.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said this raised cumulative cases in the country to 1,424,639 with 249,277 active cases.

Yesterday's numbers were nevertheless an improvement after the country had recorded daily Covid-19 cases above the 20,000-mark over the past six days.

Selangor continued to record the highest number of cases at 5,706, followed by Sabah with 1,728, Kedah with 1,592, Sarawak with 1,566 and Johor with 1,510.

Kuala Lumpur reported 1,360 new cases, Kelantan logged 1,227, Penang with 1,251, while Melaka reported 1,120 cases.

States that logged three-digit cases were Perak (938), Terengganu (688), Pahang (646) and Negeri Sembilan (343).

Putrajaya and Perlis reported 43 and 20 new cases, respectively, while Labuan recorded two new infections.

He said a large majority of the new cases yesterday were in Category One and Two, presenting zero or light symptoms.

"Overall, in early diagnosis, 1.5 per cent of the cases reported were in Category Three to Five, and 98.5 per cent were in Category One and Two. It was found that 85.13 per cent of newly diagnosed cases either have no history of Covid-19 vaccination or have not completed their doses."

Dr Noor Hisham said 274 deaths were also reported yesterday, involving 211 Malaysians and 63 foreigners.

This brought the death toll to 12,784, or 0.89 per cent from the total number of cases.

Among the deaths reported, 77 cases involved those who were brought in dead.

Currently, 1,047 patients are being treated in Intensive Care Units, with 520 being intubated.

He also said 17,450 patients had recovered yesterday, increasing the number of recoveries to 1,162,578 (81.6 per cent).



Medical lab technician Norsharina Mohamad Nor running a chemical test on a blood sample of a Covid-19 patient at the pathology lab of the Malaysia Agro Exposition Park Serdang Covid-19 quarantine and treatment centre yesterday. PIC BY MOHD FADLI HAMZAH

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NATION

Slight dip in Covid-19 cases, mostly mild infections

PUTRAJAYA: After five days in a row of over 20,000 new cases, Malaysia's Covid-19 daily numbers dipped slightly to 19,740 infections yesterday.

It was also the fourth day of cases on a decreasing trend since recording an all-time high of 21,668 infections on Aug 12.

In a statement, Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said 98.5% of yesterday's total, or 19,442 cases, were either mild or asymptomatic.

The remaining 1.5% (298 cases)

are those in Categories Three, Four and Five.

Dr Noor Hisham said 85.13% of yesterday's cases involved individuals who had not completed their vaccination. Fifty-two per cent were detected from contact tracing activities while another 35% are sporadic infections. A total of 11% are cases with links to clusters and there were also 19 imported cases.

Nine states reported four-figure cases, with Selangor continuing to record the highest at 5,706 new infections.

Both Sarawak and Melaka reported new daily records at 1,566 and 1,120 cases respectively.

It is the first time Melaka has more than 1,000 cases in a day.

Labuan, which has the country's highest vaccination rate with 88.8% of its adult population already fully jabbed, continues to have the lowest number of cases with only two new infections.

Dr Noor Hisham said as at Aug 15, the national infectivity rate or Rt was at 1.05.

Perlis has the country's highest

infectivity rate at 1.29, followed by Kelantan (1.19) and Sabah (1.16).

Dr Noor Hisham also announced 274 more Covid-19 fatalities, bringing Malaysia's death toll up to 12,784.

The latest included 63 foreigners. There are also 77 brought-in-dead (BID) cases, of which 49 were foreigners. Of the deaths, some 201 (73%) were people with some form of comorbidity.

Selangor had the most number of deaths with 100 fatalities, followed by Kuala Lumpur with 39.

Currently, there are 249,277 active Covid-19 cases nationwide, including 1,047 patients in intensive care units and 520 on ventilator support. There were also 17,450 recoveries.

A total of 35 new Covid-19 clusters were found across the country, including 21 workplace-related clusters with at least 658 cases linked to them.

There are also 11 community outbreaks resulting in 181 confirmed infections. Nationwide, there are 1,339 active clusters.